



Dr. Mahathir rasmi seminar anjuran MAMPU

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kiri) masuk ke dewan sebelum merasmikan seminar Ke arah Penggunaan Komputer Yang Lebih Berkesan Di Malaysia, di Kuala Lumpur, pagi semalam.

Seminar dua hari itu dianjurkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU), dan dihadiri oleh kakitangan bahagian komputer sektor awam dan swasta.

Beliau mencadangkan supaya ditubuh Institut Sains Komputer untuk menyelaras pengajian komputer di negara ini.

— Gambar Berita Harian.